

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 12 MAC 2014

SOALAN :

YB. Tuan Fong Kui Lun minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi menjayakan pelancaran program Tahun Melawat Malaysia 2014 dan bagaimanakah sambutan di peringkat negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sasaran bilangan ketibaan pelancong dan pakej menarik yang disediakan.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan bagi penganjuran Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 yang telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 4 Januari 2014 di Dataran Merdeka adalah sebanyak RM8.6 juta merangkumi segala perbelanjaan bagi pengisian program dan keperluan fizikal sepanjang penganjuran majlis.

Penganjuran acara ini adalah bertujuan untuk melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 serta mengalu-alukan kehadiran pelancong-pelancong asing ke Malaysia. Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 telah menampilkan pelbagai pengisian program dan acara utama iaitu persembahan kebudayaan, 1Malaysia Food Festival, 1Malaysia Green 1Malaysia Clean dan Pameran Seni Kraftangan. Selain daripada itu, majlis pelancaran juga menampilkan gimik "*High Resolution Video Projection*" dan pameran produk-produk pelancongan dan kebudayaan mengikut kluster seperti kebudayaan dan warisan, membeli-belah dan gaya hidup, Homestay, eco-tourism, food tourism, pelancongan sukan lasak dan lain-lain. Pengisian program yang dirancang ini adalah bertujuan bagi memberi peluang kepada para pengunjung untuk mengenali dengan lebih dekat pelbagai produk pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, majlis pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 telah berjalan dengan sempurna dengan hampir 50,000 pengunjung ke Dataran Merdeka. Daripada jumlah ini, hampir 5,000 pengunjung asing telah menghadiri majlis pelancaran ini. Di samping itu, majlis ini juga telah diberikan liputan meluas oleh sebanyak 270 media *Mega Fam* dan 150 media tempatan. Selain itu, sejumlah 400 *package buyers* telah menghadiri majlis ini. Antara pakej menarik yang telah disediakan dan diwar-warkan di kawasan pameran, booth dan pusat penerangan adalah seperti Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages, Bird Watching Packages, Kelantan Guided Tours dan Sabah Packages.

Sekian, terima kasih.